

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin  
Mohd Jarjis  
[ Rompin ]**

**TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 96**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**  
menyatakan:-

- (a) perancangan Kementerian untuk menaik taraf bekalan air di luar bandar baik di kampung tradisional dan di felda-felda; dan
- (b) apakah punca gangguan pembekalan air sering berlaku bagi memenuhi keperluan setempat seperti di Gugusan Tun Razak dan Selancar.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

### **Jawapan (a)**

Untuk makluman Yang Berhormat, skop Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah membuat penyambungan paip retikulasi ke rumah-rumah yang masih belum mendapat kemudahan akses bekalan air bersih dan terawat. Walau bagaimanapun, bagi tujuan menaik taraf sistem bekalan air di sesuatu kawasan, Kementerian akan mempertimbangkannya secara 'case by case' dengan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) berhubung dengan keperluan tersebut tertakluk kepada skop program BALB yang dilaksanakan oleh Kementerian dan peruntukan yang diluluskan.

Berhubung dengan perancangan menaiktaraf sistem bekalan air di kawasan rancangan FELDA, kerja-kerja menaik taraf sistem bekalan air di kawasan rancangan FELDA di seluruh Negeri Pahang sedang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh FELDA.

### **Jawapan (b)**

Terdapat pelbagai punca yang boleh menyebabkan gangguan bekalan air yang menjejaskan keperluan setempat seperti di Gugusan Tun Razak dan Selancar. Ianya boleh

berpunca daripada masalah paip yang telah lama yang mana menyebabkan kejadian paip pecah sering berlaku dan pertambahan bilangan penduduk di kawasan berkenaan. Oleh itu, projek menaik taraf bekalan air yang sedang dilaksanakan oleh FELDA ini adalah melibatkan kerja-kerja menaik taraf loji, pembinaan tangki dan penggantian paip bagi menyelesaikan isu gangguan bekalan air di kawasan rancangan FELDA.